


**Berita Harian November 2019**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Jumaat 1 November 2019	Hakim tarik diri dengar kes lucut hak harta 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	3
2	Isnin 4 November 2019	SPRM siasat bekas menteri, timbalan menteri BN terima dana kaum India	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3	Rabu 6 November 2019	\$82 juta Swiss franc masuk akaun peribadi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	7
4	Sabtu 9 November 2019	Kes SRC: Nasib Najib ditentukan Isnin ini	SRC International Sdn Bhd	9
5	Isnin 11 November 2019	SRC: Keputusan sama ada Najib bela diri pagi ini	SRC International Sdn Bhd.	12
6	Isnin 11 November 2019	SRC: Najib diperintah bela diri	SRC International Sdn Bhd.	13
7	Isnin 11 November 2019	Jho Low bawa Gim Huat sebagai Ahli Lembaga Pengarah 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	15
8	Rabu 13 November 2019	Bicara pinda Laporan Audit 1MDB tetap bermula Isnin ini	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	17
9	Ahad 17 November 2019	Perbicaraan ketiga Najib dijangka bermula esok	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	19
10	Isnin 18 November 2019	Perbicaraan kes Zahid Hamidi jadi tumpuan media	Dana Yayasan Akalbudi.	22
11	Isnin 18 November 2019	Najib guna kedudukan pinda Laporan 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	24
12	Selasa 19 November 2019	Najib tidak puas hati Laporan Audit 1MDB - Ali Hamsa	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	27
13	Rabu 20 November 2019	Kes Laporan Pengauditan 1MDB: Mahkamah dengar rakaman suara	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	29
14	Rabu 20 November 2019	Draf Laporan Pengauditan 1MDB diserahkan kepada Najib sebelum dipinda	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	31
15	Khamis 21 November 2019	Perakam suara diletak dalam bekas pensel ketika mesyuarat Laporan Pengauditan 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	34

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
16	Rabu 27 November 2019	1MDB, MKD boleh cabar IPIC, Aabar di England	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	37
17	Rabu 27 November 2019	Najib minta perbezaan dua penyata kewangan 1MDB tidak dimasukkan dalam laporan audit	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	39



### 1. Hakim tarik diri dengar kes lucut hak harta 1MDB

KUALA LUMPUR: Hakim Mahkamah Tinggi baharu akan mendengar permohonan Kerajaan Malaysia untuk melucut hak harta dirampas dari premis milik Obyu Holdings Sdn Bhd (Obyu) bernilai RM680 juta, dipercayai berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ya berikutan Hakim Collin Lawrence Sequerah, menarik diri daripada mendengar permohonan difailkan Pendakwa Raya selaku pemohon terhadap Obyu yang dinamakan sebagai responden.

Perkara itu disahkan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Shukri Hussain, yang mewakili Pendakwa Raya, ketika ditemui pemberita selepas pengurusan kes permohonan terbabit.

Menurut Muhammad Shukri, hakim berpendapat beliau (Collin) tidak sesuai untuk mendengar permohonan itu kerana turut mendengar kes rasuah dan pengubahan wang haram dana 1MDB dihadapi Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, mahkamah kemudian menetapkan 9 Disember ini bagi pengurusan kes di hadapan hakim baharu.

Pada tarikh sama, hakim baharu itu akan turut mendengar permohonan syarikat barangan kemas, Global Royalty Trading SAL (Global Royalty) untuk menjadi pencilah dan memeriksa barangan kemas yang disita.

"Setakat ini, kami dimaklumkan pemeriksaan barangan kemas itu akan dilakukan peguam Global Royalty, Datuk David Gurupatham, Datuk Seri Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor," katanya.

Dalam prosiding hari ini, Najib dan Rosmah selaku pihak ketiga, masing-masing diwakili peguam Syahirah Hanapiah dan Iskandar Shah Ibrahim.

Permohonan melucut hak harta itu dikemukakan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SRPM) sebelum ini memfailkan permohonan melucut hak harta terhadap 41 responden untuk mendapatkan semula kira-kira RM270 juta yang ada kaitan dengan 1MDB, dipercayai dipindahkan daripada akaun Najib.



## **P Waytha Moorthy**

### **2. SPRM siasat bekas menteri, timbalan menteri BN terima dana kaum India**

KUALA LUMPUR: Seorang bekas menteri dan dua bekas timbalan menteri Barisan Nasional (BN) didakwa menerima dana yang sepatutnya disalurkan kepada kaum India.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy, berkata dana Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India (SEDIC) itu tidak sampai kepada kumpulan sasaran, sebaliknya diberikan kepada tiga individu berkenaan.

Bagaimanapun, beliau tidak menamakan individu terbabit.

Katanya, perkara itu sudah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sedang menjalankan siasatan bagi mengenalpasti punca dana itu diberikan kepada mereka.

"Ada rungutan yang berasas mengenai dana yang dikemukakan semasa pentadbiran kerajaan BN, tidak sampai kepada golongan sasaran, sedangkan kita dapati tiada sebarang dana diberikan kepada MIC.

"Bagaimanapun, wujud salah laku dalam penyampaian dana itu apabila sejumlah dana disampaikan terus kepada seorang bekas menteri dan dua bekas timbalan menteri," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan SN Rayer (PH-Jelutong) yang bertanya sama ada dana SEDIC disalurkan kepada pihak serta parti politik tertentu, termasuk MIC.

Terdahulu, Waytha menjelaskan dana SEDIC yang sepatutnya disalurkan kepada kaum India menerusi pelan tindakan projek pembangunan kaum itu, tidak sampai kepada golongan sasaran.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan Jabatan Audit Negara melaksanakan audit sepenuhnya bagi mencari kebenaran tentang berapa jumlah sebenar sampai kepada rakyat.

Pada Januari tahun lalu, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan peruntukan RM50 juta kepada Program Pembangunan Sosio Ekonomi Masyarakat India dikendalikan SEDIC, selain RM50 juta untuk pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan RM50 juta untuk kerja penyelenggaraan serta baik pulih sekolah Tamil.



**Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah (kanan) dan Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi**

### **3. \$82 juta Swiss franc masuk akaun peribadi**

KUALA LUMPUR: Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PetroSaudi International Ldt (PSI) ketika itu, Tareq Obaid mengarahkan wang berjumlah \$82 juta Swiss franc daripada akaun PSI dipindahkan ke dalam akaun peribadinya.

Tareq Obaid yang juga Pengasas Bersama PSI membuat arahan itu selepas syarikat berkenaan menerima pindahan dana berjumlah AS\$500 juta daripada 1MDB.

Perkara itu timbul apabila peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah merujuk dokumen kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi pada sesi pemeriksaan balas di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Merujuk kepada dokumen dalam bentuk e-mel itu, Muhammad Shafee menjelaskan bahawa Tareq mengarahkan pekerjanya untuk memindahkan \$82 juta Swiss franc ke akaun peribadinya di RBS Coutts Bank.

Shahrol Azral selaku saksi kesembilan pendakwaan bagaimanapun menjelaskan, beliau tidak tahu mengenai pemindahan wang berkenaan kerana tiada akses ke atas dokumen terbabit.

Jelasnya, sepanjang disoal siasat pihak berkuasa, beliau hanya ditunjukkan perjalanan transaksi wang di peringkat tertinggi, iaitu ke dalam akaun syarikat seperti syarikat Good Star Limited milik ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low dan beberapa entiti milik Aabar BVI.

"Saya tidak pernah ditunjukkan akaun perjalanan wang syarikat usaha sama 1MDB-PSI kerana dalam sosal siasat hanya ditunjukkan ke mana wang itu pergi.

"Ia termasuklah pemindahan AS\$500 juta yang dibuat pada 30 September 2009," katanya.

Malah katanya, sehingga hari ini beliau tidak pernah melihat penyata bank syarikat usaha sama itu.

Terdahulu, Shahrol Azral berkata, Jho Low mengarahkan pindahan wang AS\$500 juta daripada 1MDB kepada PSI dilakukan secepat mungkin.

Ketika dicadangkan Muhammad Shafee bahawa Jho Low membuat arahan itu kerana 1MDB diberikan masa sekurang-kurangnya sembilan bulan bagi menjawab sama ada bersetuju atau tidak untuk memberi pinjaman kepada PSI, saksi itu menjawab, "tidak setuju".





**Najib Najib sama ada dibebaskan atau dipanggil membela diri terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd, akan terjawab Isnin ini**

#### **4. Kes SRC: Nasib Najib ditentukan Isnin ini**

KUALA LUMPUR: Nasib bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sama ada dibebaskan atau dipanggil membela diri terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd, akan terjawab Isnin ini.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali akan membuat keputusan di akhir kes pendakwaan selepas mendengar hujahan pasukan pendakwaan diketuai Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas dan barisan peguam bela Najib diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada 23 Oktober lalu.

Thomas menutup kes pendakwaan selepas Mahkamah Tinggi selesai mendengar keterangan 57 saksi, antaranya membabitkan pegawai kanan Ambank, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan SRC.

Sebaik sahaja menutup kesnya, pendakwaan menawarkan 66 saksinya kepada pihak pembelaan.

Perbicaraan kes berprofil tinggi itu yang mengambil masa selama 58 hari di peringkat kes pendakwaan disifatkan antara yang paling singkat berlangsung.

Prosiding yang mendapat perhatian seluruh dunia itu bermula pada 3 April lalu dengan mendengar keterangan saksi pertama iaitu Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Muhamad Akmaludin Abdullah.

Ia berakhir dengan keterangan Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Bahagian Operasi Khas (BOK) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rosli Husain, selepas disoal semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Suhaimi Ibrahim.

Antara saksi utama yang mendapat perhatian ialah bekas Pengarah SRC, Datuk Suboh Md Yassin; bekas Pengerusi Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismee Ismail; dan bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Saksi lain yang turut menarik perhatian termasuk Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pertama Kumpulan Wang (Diperbadankan) (KWAP), Datuk Azian Mohd Noh dan pegawai agensi dana persaraan itu, pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) yang menjalankan siasatan dan serbuan serta pegawai Ambank termasuk Joanna Yu yang mengendalikan akaun peribadi semasa Najib.

Joanna dan Rosli adalah dua saksi yang paling lama memberikan keterangan iaitu selama lapan hari manakala Ismee yang juga Bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), berada di kandang saksi selama tujuh hari.

Perbicaraan hanya ditangguhkan selama tiga kali berikutan peguam bela Harvinderjit Singh mengambil cuti sakit pada 24 Julai dan perkara sama berlaku kepada Najib apabila bercuti sakit selama tiga hari pada 14 Ogos lalu.

Kali ketiga, pada 15 Julai lalu, apabila Najib dibenarkan menghadiri sidang Dewan Rakyat bagi perbincangan dan pengundian Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan untuk menurunkan had umur mengundi di negara ini daripada 21 kepada 18 tahun, bagaimanapun prosiding hanya ditangguhkan setengah hari.

Sekiranya Najib diperintah membela diri, mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan di peringkat pembelaan selama 10 hari bermula 3 dan 4 Disember, sebelum bersambung pada 9 hingga 12 Disember dan diteruskan pada 16 hingga 19 Disember ini.

Pertuduhan ke atas Datuk Seri Najib Razak

\* 4 Julai 2018 - Bagi dua tuduhan pecah amanah jenayah, Najib didakwa selaku penjawat awam dan ejen iaitu Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta Advisor Emeritus (Penasihat Emeritus) SRC International Sdn Bhd.

Dalam kapasiti itu, beliau yang diamanahkan dengan penguasaan ke atas wang milik SRC berjumlah RM4 bilion, dituduh melakukan pecah amanah jenayah terhadap wang berjumlah RM27 juta dan RM5 juta.

Beliau didakwa melakukan kesalahan berkenaan di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan AmBank Group dekat Jalan Raja Chulan di sini, antara 24 Disember hingga 29 Disember 2014.

Bagi kesalahan ketiga, Najib didakwa melakukan jenayah sama, membabitkan wang berjumlah RM10 juta, di tempat sama, antara 10 Februari hingga 2 Mac 2015.

Bagi semua tuduhan itu, Najib didakwa mengikut Seksyen 409, Kanun Keseksaan (Akta 574) yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dengan sebatan serta boleh dikenakan denda.

Bagi tuduhan rasuah pula, Najib dengan kedudukan sama, didakwa menggunakan jawatan untuk suapan bagi dirinya berjumlah RM42 juta apabila mengambil bahagian atau terbabit dalam keputusan bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk memberikan jaminan kerajaan bagi pinjaman berjumlah RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada SRC International.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Perdana Menteri Presint 1, Putrajaya antara 17 Ogos 2011 hingga 8 Februari 2012 mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Akta 694).

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, maksimum 20 tahun penjara dan denda lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

\* 8 Ogos 2018 - Bagi tuduhan pertama, Najib didakwa menerima wang berjumlah RM27 juta hasil daripada aktiviti haram melalui Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) ke dalam akaun miliknya di Bank AmIslamic.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Bank AmIslamic Berhad, Bangunan AmBank Group, No 55 Jalan Raja Chulan, dekat sini pada 26 Disember 2014.

Bagi tuduhan kedua dan ketiga, Najib didakwa menerima wang masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM10 juta di tempat dan cara yang sama.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan pada 26 Disember 2014 dan 10 Februari 2015.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan itu, beliau didakwa mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFA) 2001.

Jika sabit kesalahan, Najib boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda dari nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, atau mana-mana jumlah yang lebih tinggi.

#### 5. SRC: Keputusan sama ada Najib bela diri pagi ini

KUALA LUMPUR: Pandangan akan tertumpu kepada Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali, yang akan menyampaikan keputusan pagi ini sama ada Datuk Seri Najib Razak akan dipanggil membela diri atau dibebaskan daripada pertuduhan menyeleweng sejumlah RM42 juta daripada dana SRC International Sdn Bhd.

Beliau dijangka mengumumkan keputusan itu kira-kira jam 10 pagi, dengan anggota media berkumpul di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seawal 7 pagi.

Najib, bekas perdana menteri berusia 66 tahun, berdepan tiga dakwaan pecah amanah jenayah (CBT), tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan salah guna kuasa.

Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan kesalahan terbabit antara 17 Ogos 2011 dan 10 Februari 2015.

Semasa perbicaraan, pasukan pendakwaan mengemukakan lebih 750 barang kes, termasuk dokumen bank yang mempunyai kaitan dengan akaun bank Najib, transaksi tunai, minit mesyuarat dan perbualan Blackberry berhubung transaksi oleh Najib

## 6. SRC: Najib diperintah bela diri

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, diarah membela diri atas tujuh tuduhan salah guna kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM42 juta milik syarikat SRC International Sdn Bhd (SRC).

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan wujud kes 'prima facie' bagi kes berkenaan.

Najib, 66, berdepan masing-masing tiga dakwaan pecah amanah jenayah (CBT), tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan salah guna kuasa.

Menurut Mohd Nazlan, Najib mempunyai kepentingan dalam SRC dan mempunyai kawalan keseluruhan menyebabkan RM42 juta didepositikan ke dalam akaunnya bagi kepuasan beliau.

"Ia adalah bagi tertuduh (Datuk Seri Najib Razak) untuk menangkis bukti dan saya mendapati bahawa elemen menggunakan kedudukan berjaya dibuktikan oleh pendakwaan. Sehubungan itu 'prima facie' berjaya dibuktikan," katanya.

Beliau berkata, mahkamah mendapati pindahan wang daripada akaun SRC ke dalam akaun bekas Presiden UMNO itu telah menyebabkan SRC mengalami kerugian.

"Walaupun mengetahui terdapat wang yang dimasukkan ke dalam akaunnya, tertuduh (Najib) tidak mengarahkan supaya laporan polis dibuat.

"Mahkamah mendapati tertuduh tidak melakukan apa-apa tindakan untuk menentukan wang yang masuk ke dalam akaunnya adalah daripada aktiviti pengubahan wang haram," katanya.

Terdahulu pihak pendakwaan selesai menggulung penghujahan pada 27 Ogos lalu selepas Najib mula dibicarakan 3 April.

Seramai 57 saksi dipanggil memberi kenyataan sepanjang 58 hari perbicaraan, termasuk bekas Pengurus Perhubungan Awam AmBank Bhd, Joanna Yu, serta bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Semasa perbicaraan, pasukan pendakwaan mengemukakan lebih 750 barang kes, termasuk dokumen bank yang mempunyai kaitan dengan akaun bank Najib, transaksi tunai, minit mesyuarat dan perbualan Blackberry berhubung transaksi oleh Najib.

Mohd Nazlan kemudian menetapkan 10 hari iaitu 3, 4, 9 hingga 12 dan 16 hingga 19 Disember ini untuk Najib dibicarakan.

Sementara itu, Najib memilih untuk membela diri terhadap semua tujuh yang dihadapinya itu menerusi keterangan bersumpah di kandang tertuduh.

Dengan memilih demikian, beliau boleh disoal balas oleh pasukan pendakwaan.

Pasukan pendakwaan diketuai oleh Peguam Negara Tan Sri Tommy Thomas, manakala Najib diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Najib didakwa pada 4 Julai tahun lalu atas tiga tuduhan pecah amanah dan satu tuduhan salah guna kuasa membabitkan dana SRC International berjumlah RM42 juta.

Pada 8 Ogos tahun lalu pula, beliau dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah dan dari dana sama.

Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan kesalahan terbabit antara 17 Ogos 2011 dan 10 Februari 2015.

Pendakwaan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, iaitu penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, atau mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Najib yang memakai sut hitam tiba di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini, jam 8.45 pagi, beliau disambut kira-kira 100 penyokongnya.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, meninggalkan Mahkamah Tinggi Jenayah 1 untuk mendengar keputusan kes SRC International di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.



**SHAHROL Azral Ibrahim Halmi.**

#### **7. Jho Low bawa Gim Huat sebagai Ahli Lembaga Pengarah 1MDB**

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low membawa masuk Datuk Ong Gim Huat sebagai Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini berkata, Gim Huat yang juga seorang ahli perniagaan dalam sektor hartanah itu diberi jawatan sebagai pengarah bukan eksekutif 1MDB.

Shahrol Azral berkata, kemasukan Gim Huat untuk menyempurnakan misi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi memberi peluang kepada tokoh bukan Bumiputera menyertai 1MDB.

Saksi kesembilan itu berkata, perkara itu pernah dibincangkan Lembaga Pengarah 1MDB dan selepas perbincangan itu Jho Low mencadangkan beberapa nama, termasuk Gim Huat.

"Jho Low ada beritahu (mendakwa) dia sudah mendapat kebenaran daripada Najib untuk membawa masuk Gim Huat sebagai ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

"Ini kerana kedudukan Gim Huat sebagai ahli perniagaan berpengalaman dapat menyalurkan pandangannya bagi membangunkan syarikat (1MDB) itu," katanya.

Sementara itu, Shahrol Azral juga mendedahkan bahawa pelantikan bekas CEO SRC International Sdn Bhd, Nik Faisal Nik Ariff turut direkrut oleh Jho Low.

Shahrol Azral, berkata Nik Faisal dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan (CIO) selepas namanya 'dipetik' Jho Low.

"Saya bertanya Jho Low ada atau tidak individu yang layak menjawat jawatan sebagai CIO untuk menjaga dana 1MDB, kemudian nama Nik Faisal muncul," katanya.

Sebelum ini, mahkamah diberitahu pelantikan bekas Pengarah Eksekutif 1MDB, Casey Tang, malah Shahrol Azral sendiri turut dicadangkan oleh Jho Low.

Saksi berusia 49 tahun itu berkata demikian dalam pemeriksaan balas peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada hari ke-34 kes penyelewengan dana 1MDB itu.

Ditanya sama ada boleh atau tidak Shahrol Azral mengemukakan surat pelantikan Nik Faisal, saksi itu berkata, beliau cuba mendapatkan surat daripada pegawai penyiasat kes.





**Arul Kanda hadir pada pengurusan kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB, di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur**

#### **8. Bicara pinda Laporan Audit 1MDB tetap bermula Isnin ini**

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes dihadapi Datuk Seri Najib Razak yang didakwa meminda Laporan Akhir Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan bermula Isnin depan seperti yang dijadualkan.

Kes itu turut membabitkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, yang didakwa bersubahat dengan Najib melakukan perbuatan itu.

Dalam prosiding hari ini, Hakim Mohamed Zaini Mazlan memutuskan untuk meneruskan dengan tarikh perbicaraan yang sudah ditetapkan selepas berpendapat mahkamah sukar untuk mendapatkan tarikh alternatif lain.

Menurut hakim itu, beliau turut mengambil kira permohonan pendakwaan (untuk menangguhkan kes) kerana saksi utama, Shahrol Azral Ibrahim Halmi, yang juga bekas CEO 1MDB masih memberikan keterangan dalam perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB dihadapi Najib.

"Oleh itu, saya cadangkan pihak pendakwaan untuk meneruskan perbicaraan kes ini dengan memanggil saksi lain terlebih dahulu.

"Saya beri jaminan tidak akan memberikan tekanan kepada saksi (Shahrol Azral) untuk memberikan keterangan jika keterangan beliau dalam perbicaraan 1MDB belum selesai.

"Mahkamah akan berikan masa kepada saksi sekiranya diperlukan dan menjalankan prosiding secara adil," katanya.

Dalam prosiding itu, pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Kanan Datuk Seri Gopal Sri Ram manakala Datuk N Sivananthan bertindak bagi pihak Arul Kanda.

Pada 12 Disember 2018, Najib didakwa menggunakan jawatannya dengan mengarahkan supaya Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dipinda, sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negara (PAC), bagi mengelakkan sebarang tindakan terhadapnya.

Dia dituduh sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Perdana Menteri, menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya, iaitu perlindungan daripada tindakan yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB, dengan cara mengambil tindakan mengarahkan Laporan Akhir Audit 1MDB yang sedang disediakan dipinda sebelum laporan itu dimuktamadkan dan dibentangkan kepada PAC, yang beliau secara langsung mempunyai kepentingan.

Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan kesalahan berkenaan di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, antara 22 Februari 2016 dan 26 Februari 2016.

Tuduhan itu mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, beliau boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan, yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Arul Kanda pula didakwa bersubahat dengan Najib, meminda laporan itu bagi melindungi bekas Perdana Menteri itu daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB di tempat dan masa sama.

Tuduhan terhadapnya adalah mengikut Seksyen 28(1) (c) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 23 (1) & 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman sama, jika sabit kesalahan.



**Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.**

### **9. Perbicaraan ketiga Najib dijangka bermula esok**

KUALA LUMPUR: Perbicaraan ketiga pertuduhan jenayah yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Tinggi di sini dijangka bermula esok.

Najib berdepan pertuduhan meminda laporan akhir audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bersama-sama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Ahli Parlimen Pekan itu ketika ini membuat persiapan untuk membela diri dalam kes SRC International Sdn Bhd, membabitkan tujuh pertuduhan menyeleweng RM42 juta dana SRC di sebuah lagi Mahkamah Tinggi. Kes pembelaan beliau akan bermula pada 3 Disember.

Najib, 66, sedang dibicarakan atas empat pertuduhan menyalahgunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama di mahkamah yang berlainan. Perbicaraan ditetapkan untuk bersambung pada 6 Januari tahun depan.

Sama ada perbicaraan akan bermula esok bergantung kepada keputusan Hakim Mohamed Zaini Mazlan yang terlebih dahulu akan membuat keputusan berhubung permohonan Najib supaya tarikh perbicaraan meminda laporan audit itu dilapangkan dan dibawa kepada 13 Januari 2020.

Mohamed Zaini sudah mengarahkan semua pihak supaya bersedia dengan perbicaraan sekiranya beliau menolak permohonan itu. Beliau sebelum ini menetapkan 18 hingga 29 November tahun ini dan 13 hingga 17 Jan 2020 bagi perbicaraan itu.

Seorang daripada Timbalan Pendakwa Raya dalam pasukan pendakwaan, Ahmad Akram Gharib, berkata pendakwaan bersedia dengan tiga hingga lima saksi rasmi sekiranya hakim membuat keputusan untuk memulakan perbicaraan esok.

Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram mengetuai pasukan pendakwaan, yang turut dianggotai Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Nik Suhaimi Nik Sulaiman, Mohammad Al-Saifi Hashim, Ahmad Akram, Rozaliana Zakaria, Mohamad Mustaffa P Kunyalam, Hazmida Harris Lee, Nadia Zulkefli, Tan Song Yan, Fatimah Hannah Abd Wahab, Munira Syahirah Mohamad Kamal, Nur Syakirin Yaccob dan Wafa Zainal Abidin.

Najib diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, Harvinderjit Singh, Wan Aizuddin Wan Mohammed, Muhammad Farhan Muhammad Shafee dan Syahirah Hanapiah, manakala Arul Kanda, 43, diwakili peguam Datuk N Sivananthan, Jasmine Cheong serta Dhanyaa Shreeya Sukumar.

Dalam permohonan yang difailkan pada 13 November, Najib berkata, jika perbicaraan (meminda laporan audit) itu akan berjalan seperti dijadualkan, beliau akan mengalami prejudis kerana beliau dan barisan peguamnya akan memerlukan masa yang munasabah serta mencukupi untuk membuat persediaan untuk membela dirinya dalam kes SRC.

Beliau turut menyatakan dalam permohonan itu bahawa pasukan pembelaannya, pada masa sama, turut terbabit dalam membuat persiapan bagi satu lagi kes 1MDB yang bermula pada 28 Ogos dan masih berjalan.

Permohonan Najib bagaimanapun dibantah oleh Arul Kanda yang menggesa mahkamah supaya meneliti kepentingan semua tertuduh, bukan hanya seorang tertuduh, dan memohon mahkamah supaya meneruskan perbicaraan itu kerana beliau mahu diberi peluang untuk menyangkal pertuduhan terhadapnya.

Pada 4 Januari tahun ini, Mahkamah Sesyen membenarkan permohonan pendakwaan supaya kes membabitkan Najib dan Arul Kanda dibicarakan bersama.

Pada 12 Disember 2018, Najib menghadapi pertuduhan menggunakan jawatannya dengan mengarahkan supaya Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dipinda, sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), bagi mengelakkan sebarang tindakan terhadapnya.

Beliau dituduh sebagai seorang pegawai awam iaitu Perdana Menteri, menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya, iaitu perlindungan daripada tindakan yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB, dengan cara mengambil tindakan mengarahkan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB, yang sedang disediakan, dipinda sebelum laporan itu dimuktamadkan dan dibentangkan kepada PAC, yang beliau secara langsung mempunyai kepentingan.

Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan kesalahan berkenaan di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, antara 22 Februari 2016 dan 26 Februari 2016.

Pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, yang memperuntuk hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan, yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Arul Kanda pula didakwa bersubahat dengan Najib, meminda laporan itu, bagi melindungi bekas Perdana Menteri itu daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB, di tempat dan masa sama mengikut Seksyen 28(1) (c) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 23 (1) & 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman serupa, jika sabit kesalahan.



**MEDIA** tempatan serta antarabangsa mula berkumpul di Kompleks Mahkamah Jalan Duta hari ini, bagi membuat liputan perbicaraan kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang berdepan 47 pertuduhan membabitkan jutaan ringgit dana Yayasan Akalbudi.

#### **10. Perbicaraan kes Zahid Hamidi jadi tumpuan media**

KUALA LUMPUR: Media tempatan serta antarabangsa mula berkumpul di Kompleks Mahkamah Jalan Duta hari ini, bagi membuat liputan perbicaraan kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang berdepan 47 pertuduhan membabitkan jutaan ringgit dana Yayasan Akalbudi.

Selain itu, turut dijangka bermula hari ini perbicaraan ketiga pertuduhan jenayah yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Tinggi.

Najib berdepan pertuduhan meminda laporan akhir audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bersama-sama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Keadaan di pekarangan Kompleks Mahkamah Jalan Duta tenang, dengan beberapa individu dipercayai penyokong kedua-dua pemimpin itu hadir bagi memberikan sokongan.



MEDIA tempatan serta antarabangsa mula berkumpul di Kompleks Mahkamah Jalan Duta hari ini, bagi membuat liputan perbicaraan kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang berdepan 47 pertuduhan membabitkan jutaan ringgit dana Yayasan Akalbudi.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir pada kes pindaan laporan Audit 1MDB yang dihadapi bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

### **11. Najib guna kedudukan pinda Laporan 1MDB**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menggunakan kedudukan sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dengan mengarahkan maklumat material dipinda daripada Laporan Audit 1Malaysia Development (1MDB).

Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, berkata Najib mengetahui dan sudah memikirkan hal itu semasak-masaknya kerana jika perkara sebenar terbongkar, dia akan berdepan tindakan sivil dan jenayah.

Jadi, tambah beliau, pendakwaan akan menunjukkan bahawa Najib berbuat demikian bagi mengelak liabiliti jenayah dan sivil dikenakan terhadapnya selaku Pengarah Bayangan 1MDB, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, yang membolehkan tindakan dikenakan terhadapnya mengikut Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sri Ram berkata pendakwaan melalui bukti langsung dan bukti keadaan, akan membuktikan tertuduh mengeluarkan (meminda) maklumat material itu daripada rekod rasmi untuk menyembunyikan perkara sebenar.

"Ini adalah fakta objektif yang mana pendakwaan akan membuktikan melalui tindakan dan kegagalan tertuduh bertindak dalam keadaan kes ini.

"Dalam membuktikan kes ini, pendakwaan akan bergantung kepada keterangan saksi, yang mana ia perlu diambil melalui pendekatan berhati-hati...Jadi, kami akan menunjukkan bukti kes ini adalah berwibawa dan saling berkait.



"Selanjutnya, melalui keseluruhan bukti itu, kami akan membawa kepada satu rumusan yang tidak dapat disangkal lagi iaitu bukan saja jenayah sudah dilakukan, malah ia dilakukan oleh tertuduh," katanya ketika membacakan pernyataan pembukaan.

Sri Ram berkata, pihaknya bertanggungjawab memaklumkan kepada mahkamah akan ada keterangan saksi yang mungkin bersikap berat sebelah dan memihak kepada tertuduh.

Beliau menerangkan, bukti itu perlu bagi pendakwaan merungkai kes berkenaan dan akan memaklumkan kepada mahkamah pada peringkat yang sesuai bagaimana keterangan saksi terbabit boleh dinilai.

Sri Ram berkata, Najib mula bertindak untuk menutup jejak perbuatannya selepas skandal 1MDB mula terbongkar pada awal Julai 2015 dan mendapat publisiti meluas.

Antara langkah diambil Najib bagi menutup jejak kesalahan dan peranan ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low berkaitan urusan 1MDB menyebabkan tuduhan meminda Laporan Audit dikenakan terhadapnya.

Wang 1MDB pula dipindahkan ke dalam akaun Good Star Ltd yang dikawal Jho Low, iaitu 'bayangan imej' dan 'alter ego' tertuduh (Najib), yang juga individu dilindunginya.

Menurut Sri Ram, sebahagian daripada wang itu turut disalurkan ke dalam akaun anak tirinya, Riza Shahriz Abdul Aziz, dan tertuduh sendiri menerima wang dalam jumlah yang banyak milik 1MDB.

"Walaupun beliau mengetahui wang itu milik 1MDB, tertuduh (Najib) menipu seluruh dunia dengan menyatakan ia adalah derma daripada Arab Saudi," katanya.

Pada masa sama, Sri Ram berkata Ketua Audit Negara mengarahkan Laporan Audit 1MDB dikemukakan termasuk beberapa perenggan yang membangkitkan kebimbangan terhadap Najib walaupun ia adalah benar.

"Beliau menjadi terkejut dan keliru...kemudian mengambil langkah supaya perenggan terbabit dipinda atau dikeluarkan.

"Apa yang berlaku adalah tidak normal...walaupun laporan sudah sedia untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) , satu mesyuarat diadakan pada 24 Februari 2016 atas arahan tertuduh.

"Dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, apa yang terjadi ialah perenggan berkaitan dipinda atau dikeluarkan," katanya.

Sri Ram berkata, tindakan Arul Kanda sebelum dan selepas mesyuarat yang dipersoalkan itu sudah dianggap perbuatan bersubahat meminda laporan terbabit.

Menurutnya, pendakwa bertanggungjawab memaklumkan kepada mahkamah bahawa pada peringkat yang sesuai, ia akan memohon secara bertulis untuk memanggil Arul Kanda memberi keterangan bagi pihak pendakwa mengikut Seksyen 63 Akta SPRM.



BEKAS Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

## 12. Najib tidak puas hati Laporan Audit 1MDB - Ali Hamsa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak tidak mahu dua dua penyata kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang berbeza dimasukkan dalam Laporan Pengauditan 1MDB.

Bekas perdana menteri itu juga menyatakan rasa tidak puas hati dengan isi kandungan dalam laporan audit terbabit.

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dalam keterangan di Mahkamah Tinggi berkata, perkara itu dinyatakan Najib dalam satu pertemuan di Pejabat Perdana Menteri pada 22 Februari 2016, yang turut dihadiri Ketua Audit Negara (ketika itu) Tan Sri Ambrin Buang.

Ali dan Ambrin dipanggil ke Pejabat Perdana Menteri bagi membincangkan mengenai Laporan Pengauditan 1MDB bagi pembentangan di Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Menurut saksi pendakwaan keempat itu, beliau pada ketika itu tidak tahu mengenai masalah Penyata Kewangan Tahunan 1MDB yang dilaporkan dalam Laporan Pengauditan itu.

"Saya ingin jelaskan di sini, walaupun saya Ahli Lembaga Penasihat 1MDB, saya tidak pernah dipanggil untuk bermesyuarat sebagai Ahli Lembaga Penasihat.

"Saya juga tidak pernah menandatangani apa-apa dokumen berkaitan dengan peranan saya sebagai Ahli Lembaga Penasihat 1MDB, dan tidak pernah terbabit dalam mana-mana proses di peringkat audit yang dibuat Jabatan Audit Negara.

"Selepas selesai perbincangan, saya diarahkan Najib untuk mengadakan mesyuarat penyelarasan di antara Jabatan Audit dan wakil 1MDB, Arul Kanda mengenai perkara yang beliau (Najib) tidak berpuas hati dalam Laporan Audit oleh Jabatan Audit Negara," katanya ketika membacakan pernyataan saksinya.

Ali berkata, beliau juga diarahkan untuk tidak mencetak Laporan Pengauditan 1MDB sehingga mendapat persetujuan daripada Najib.

Jelasnya lagi, pada waktu itu beliau tidak mengetahui sama ada status Laporan Pengauditan 1MDB sudah dimuktamadkan atau belum.

### 13. Kes Laporan Pengauditan 1MDB: Mahkamah dengar rakaman suara



Ali hadir pada sambung bicara kes laporan akhir pengauditan 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

Kes Laporan Pengauditan 1MDB: Mahkamah dengar rakaman suara

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini mendengar rakaman suara berdurasi dua jam 45 minit yang didakwa berkaitan dengan mesyuarat berhubung pindaan Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menerusi rakaman, beberapa suara yang dikenal pasti itu hadir dalam Mesyuarat Pelarasan Laporan Pengauditan 1MDB, pada 24 Februari 2016.

Saksi pendakwaan keempat, bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa, 64, di mana suaranya ada dalam rakaman itu turut mengesahkan semua pemilik suara yang lain.

Rakaman yang dimainkan kira-kira jam 10.16 pagi itu mengandungi beberapa suara antaranya, Ketua Audit Negara ketika itu, Tan Sri AMbrin Buang bersama-sama Saadatul Nafisah; wakil dari Pejabat Perdana Menteri, Tan Sri Shukry Mohd Salleh, dan wakil dari Perbendaharaan, Datuk Seri Mohamad Isa Hussain.

Ali juga mengesahkan suara bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy turut terkandung dalam rakaman yang selesai diperdengarkan di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini pada jam 1.26 petang.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram mengemukakan pemacu pena (pendrive) yang mengandungi rakaman suara berhubung mesyuarat yang dipengerusikan Ali.

Sri Ram: Kamu pernah lihat pemacu pena yang mengandungi rakaman suara ketika mesyuarat Februari 2016?

Ali: Tidak

Dalam keterangan semalam, Ali menerusi pernyataan saksi memberitahu bahawa mesyuarat itu diadakan selepas diarahkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, Najib mengarahkan supaya mengadakan mesyuarat penyelarasan di antara Jabatan Audit dan wakil IMDB Arul Kanda mengenai perkara yang beliau (Najib) tidak berpuas hati dalam Laporan Audit oleh Jabatan Audit Negara.

Sementara itu, turut kedengaran sedikit pertengkaran berlaku apabila suara seorang wanita yang dipercayai Saadatul Nafisah seolah-olah berdebat dengan seseorang (suara lelaki).

Namun, perkara yang menjadi topik pertengkaran tidak dapat diketahui kerana rakaman yang diperdengarkan di dalam mahkamah tidak jelas.

Transkrip rakaman yang disediakan pihak pendakwaan bagi membantu prosiding turut diserahkan kepada Hakim Mohamed Zaini Mazlan dan pihak pembelaan.



Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa hadir pada Sambung bicara kes laporan akhir pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) (Kes PAC) di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

#### **14. Draf Laporan Pengauditan 1MDB diserahkan kepada Najib sebelum dipinda**

KUALA LUMPUR: Draf Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diserahkan kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan lima individu lain, dua hari sebelum dipinda dalam Mesyuarat Penyelaras Laporan Pengauditan 1MDB.

Penyerahan draf laporan itu dibuat pada 22 Februari 2016 manakala mesyuarat diadakan pada 24 Februari 2016 dengan pindaan pada Laporan Pengauditan 1MDB dilakukan selepas menerima arahan Najib.

Selain Najib, lima lagi individu yang menerima draf laporan adalah bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang; bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh; wakil Pejabat Peguam Negara, Datuk Dzulkifli Ahmad dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Saksi pendakwaan kelima, Pengarah Audit ICT (Sektor Tadbir Urus), Jabatan Audit Negara (JAN), Nor Salwani Muhamad, 52, dalam keterangannya berkata draf Laporan Pengauditan 1MDB itu dicetak untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Beliau berkata demikian dalam pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib pada perbicaraan kes pindaan Laporan Pengauditan 1MDB di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

"Bagi percetakan pertama, sebanyak 60 laporan audit dicetak. Pada 22 Februari 2016 sebanyak 10 naskah diambil daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO).

"Saya serahkan kepada Tan Sri Ambrin. Baki 50 draf laporan audit masih berada dalam kotak dan dilupuskan selepas mendapat arahan daripada Tan Sri Ambrin supaya mematuhi prosedur pelupusan oleh pihak CGSO.

"Laporan Pengauditan 1MDB yang dicetak pula diserahkan kepada Tan Sri Ambrin. Saya difahamkan draf Laporan Pengauditan 1MDB disampaikan oleh beliau sendiri," katanya.

Terdahulu, dalam penyata saksinya, Nor Salwani berkata, pada 9 Mac 2015, Ketua Audit Negara (KAN) mempertimbangkan dan membuat keputusan untuk JAN menjalankan pengauditan ke atas syarikat kumpulan 1MDB.

"Saya dilantik sebagai Ketua Koordinator pengauditan khas 1MDB oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang untuk menjalankan pengauditan 1MDB.

"Keputusan Tan Sri Ambrin susulan arahan Kabinet pada 5 Mac 2015 supaya JAN mengesahkan akaun 1MDB dan semua laporan berkaitan dengan syarikat itu diserahkan kepada PAC," katanya.

Dalam keterangan Ali semalam, Najib meluahkan rasa tidak puas hati dengan isi kandungan dalam laporan audit terbabit.

Ali dalam keterangan di Mahkamah Tinggi berkata, perkara itu dinyatakan Najib dalam satu pertemuan di Pejabat Perdana Menteri pada 22 Februari 2016, yang turut dihadiri Ambrin.

Ali dan Ambrin Buang dipanggil ke Pejabat Perdana Menteri bagi membincangkan mengenai Laporan Pengauditan 1MDB bagi PAC.

Menurut saksi pendakwaan keempat itu, beliau pada ketika itu tidak tahu mengenai masalah Penyata Kewangan Tahunan 1MDB yang dilaporkan dalam Laporan Pengauditan itu.

Sementara itu, Ali ketika disoal Datuk Seri Gopal Sri Ram menjelaskan bahawa beliau sendiri yang mencadangkan supaya mengoyakkan (shred) salinan lain laporan audit 1MDB itu bagi memastikan ia hanya ada satu versi saja.

**Sri Ram:** Dalam rakaman (audio mesyuarat penyelarasan) ada perkataan 'shred' (koyak) disebut. Apakah maksud cadangan itu?

**Ali:** Ia (shred) bermaksud tidak boleh ada dua atau tiga versi. Sepatutnya hanya ada satu versi dipersetujui... yang harus digunakan.

Peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah kemudian memohon supaya mahkamah menengguhkan pemeriksaan balas ke atas Ali.



Ini berikutan pihak pendakwaan dan pembelaan perlu memuktamadkan transkrip rakaman suara mengenai apa yang berlaku dalam mesyuarat pada 24 Februari 2016 itu.

"Pembelaan perlu meneliti dan muktamad transkrip sebelum sesi soal balas bagi membolehkan soalan disiapkan," katanya.



**PENGARAH Audit (Sektor Tadbir Urus) JAN, Nor Salwani Muhammad ketika ditemui di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur**

**15. Perakam suara diletak dalam bekas pensel ketika mesyuarat Laporan Pengauditan 1MDB**

KUALA LUMPUR: Perakam suara diletakkan dalam bekas pensel tanpa pengetahuan sesiapa oleh seorang pengarah di Jabatan Audit Negara (JAN) ketika mesyuarat penyelarasan Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 2016.

Pengarah Audit (Sektor Tadbir Urus) JAN, Nor Salwani Muhammad, 52, mengakui meletakkan perakam itu yang kemudian merakam suara berdurasi dua jam 45 minit, di dalam bekas pensel milik wakil JAN iaitu Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, tanpa pengetahuannya sebelum mesyuarat dimulakan.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, ketika pemeriksaan utama, Nor Salwani menjelaskan tujuan beliau memasukkan perakam itu ke dalam bekas pensel kerana perlu mendapatkan minit mesyuarat penyelarasan laporan audit 1MDB berkenaan.

Dalam keterangan bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa, sebelum ini memberitahu bahawa tiada minit dicatat dalam mesyuarat penyelarasan berkenaan.

"Saya dilantik sebagai koordinator dalam menyediakan laporan audit 1MDB. Disebabkan itu saya perlu mengetahui apa yang dibincangkan dalam mesyuarat terbabit kerana saya tidak boleh menyertainya (mesyuarat).

"Saadatul Nafisah tidak tahu saya yang menyimpan perakam dalam bekas pensel miliknya. Selepas mesyuarat habis, saya ambil perakam dan tutup punat," kata Nor Salwani.

Nor Salwani mendedahkan perkara itu dalam perbincangan kes pindaan Laporan Pengauditan 1MDB yang membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Arul Kanda Kandasamy, di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Nor Salwani berkata, sejurus mesyuarat selesai bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Saadatul Nafisah keluar dari bilik mesyuarat dan beliau dapati wajah ketuanya itu sugul.

Sri Ram: Bagaimana keadaan Tan Sri Ambrin?

Nor Salwani: Saya nampak wajahnya sedih seperti dan lemah. Dia juga bercakap seorang diri seolah-olah merungut.

Sri Ram: Boleh kamu jelaskan keadaan Tan Sri Ambrin ketika itu?

Nor Salwani: Selepas keluar dari bilik mesyuarat, Tan Sri Ambrin menuju ke bilik air. Saya mengikutnya dari belakang.

Sri Ram: Kenapa kamu mengekorinya?

Nor Salwani: Keadaan dia sangat lemah. Saya takut dia jatuh. Dia seperti tidak senang dengan mesyuarat itu dan merungut hal berkaitan pengauditan.

Menurut Nor Salwani, selepas mesyuarat beliau dan pasukan audit pulang ke JAN dan di pejabat JAN, mereka mendengar semula rakaman mesyuarat berkenaan bagi mengetahui perkara sebenar.

"Selepas mendengar rakaman itu, kami terkejut dengan apa yang berlaku. Antara yang memeranjatkan kami antaranya terdapat perkara dalam laporan itu perlu digugurkan.

"Terdapat juga arahan supaya beberapa laporan tidak dimasukkan ke dalam laporan audit malah meminta supaya melupakan laporan audit.

"Saya kemudian mengambil tindakan lanjut dengan memindahkan rakaman ke dalam 'hard disc' dan 'thumb drive'," katanya.

Jelasnya, rakaman asal dipadam kerana beliau menggunakan perakam khas (milik JAN), bagi mengelakkan kebocoran maklumat.

Katanya, sepanjang 22 tahun bekerja, pengalaman mendengar rakaman mesyuarat bertariikh 24 Februari 2016 adalah yang pertama di mana kandungan rakaman itu sangat mengejutkan.

"Ia sangat tidak normal," kata Nor Salwani apabila ditanya Sri Ram berhubung sama ada isi kandungan rakaman itu adalah perkara normal berlaku dalam mesyuarat penting.

Sementara itu, dalam pemeriksaan balas oleh peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, saksi itu menjelaskan bahawa beliau tidak mempunyai niat untuk menyorokkan perakam suara ketika mesyuarat penyelarasan dijalankan.

Katanya, beliau tidak mempunyai kesempatan untuk memberitahu perkara itu kepada Saadatul Nafisah dan tidak berniat untuk menyorok perakam itu.

Ini kerana katanya, selepas diminta keluar dalam keadaan tergesa-gesa sebelum mesyuarat itu bermula, beliau terus meletakkan perakam suara ke dalam bekas pensel.

Muhammad Shafee: Mengikut etika, kamu berhak memaklumkan perkara kepada KSN (Ali Hamsa) bahawa kamu sebagai wakil JAN perlu mencatat minit?

Nor Salwani: Saya dalam keadaan kalut sehingga tidak berpeluang untuk menyatakan demikian.

Terdahulu, Nor Salwani menerusi penyata saksinya berkata rasa tidak senang terpancar pada riak wajah Ambrin ketika menyampaikan arahan kepada pasukan audit untuk menggugur dan menukar beberapa perkara yang terkandung dalam draf Laporan Pengauditan 1MDB.

Dalam pemeriksaan utama bersama Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, saksi kelima pendakwaan itu menjelaskan bahawa Ambrin kelihatan sedih dan rasa tercabar.

"Tan Sri Ambrin menyampaikan arahan supaya menggugurkan beberapa perkara dalam laporan audit 1MDB.

"Arahan itu disampaikan sebaik saja mesyuarat penyelarasan laporan pengauditan pada 24 Februari 2016," katanya.

Beliau berkata, antara perkara yang diminta supaya digugurkan seperti 'memadam' beberapa isu antaranya kewujudan dua penyata kewangan 1MDB yang bercanggah bagi tahun 2014 dan berhubung kehadiran ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat 1MDB.

Perkara lain yang turut dipadamkan ialah persetujuan Najib terhadap isu penangguhan penerbitan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) dan perjanjian Country Groups Securities Thailand dengan ACME Time Limited.



#### **16. 1MDB, MKD boleh cabar IPIC, Aabar di England**

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berjaya dalam rayuan untuk mengetepikan Award Persetujuan terhadap International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar PJS) di Mahkamah Rayuan di London.

Dalam satu kenyataan, Jabatan Peguam Negara memaklumkan Mahkamah Rayuan itu sudah meminda keputusan Mahkamah Tinggi England yang menghentikan permohonan oleh 1MDB dan MKD untuk mengetepikan Award Persetujuan yang dikemukakan oleh pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak terhadap entiti Emiriah Arab Bersatu (UAE) sementara menunggu prosiding timbang tara yang dimulakan oleh IPIC dan Aabar PJS di London.

Oleh itu, Mahkamah Tinggi mengarahkan timbang tara untuk memulakan mana-mana prosiding mahkamah.

Menurut kenyataan itu, berikutan keputusan hari ini, permohonan 1MDB dan MKD untuk mengetepikan Award Persetujuan, kini boleh diteruskan untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi di London.

Mahkamah Rayuan yang terdiri daripada Canselor Sir *Geoffrey Vos*, Lord Justice Newey dan Lord Justice Males juga memerintahkan prosiding timbang tara selari yang dimulakan oleh kedua-dua pihak untuk dihalang.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, jika Malaysia berjaya, negara akan, sebagai tambahan kepada hak-hak lain, dapat meneruskan usaha mendapatkan US\$3.5 bilion yang dibayar oleh dana 1MDB kepada syarikat subsidiari IPIC.



Najib hadir ke mahkamah bagi kes pindaan laporan Audit 1MDB yang dihadapi bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda, di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

#### **17. Najib minta perbezaan dua penyata kewangan 1MDB tidak dimasukkan dalam laporan audit**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak meminta supaya isu perbezaan dua penyata kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak dimasukkan dalam Laporan Pengauditan akhir syarikat pelaburan strategik negara itu.

Bekas Perdana Menteri itu berjanji kepada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang (kini bekas) bahawa pihak berkuasa yang berkaitan akan membuat siasatan menyeluruh secepat mungkin.

Najib memberikan janji itu pada satu pertemuan di Pejabat Perdana Menteri yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Politik Najib Tan Sri Shukry Mohd Salleh.

Dalam pertemuan itu, Najib meminta Ambrin menjelaskan isu ketara dan serius dalam Laporan Pengauditan Akhir 1MDB.

Menurut Ambrin, beliau kemudian membangkitkan isu dua penyata kewangan 1MDB yang berbeza bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.



Ambrin (kanan) hadir ke mahkamah bagi kes pindaan laporan Audit 1MDB yang dihadapi Najib bersama Arul Kanda di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. - NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

Beliau yang memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi hari ini, menjelaskan perbezaan itu membabitkan satu versi yang dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang menyatakan bahawa 1MDB sudah menggunakan dana yang diperoleh daripada pelaburan untuk membayar hutang syarikat dan digunakan untuk modal kerja.

Katanya, satu lagi versi ialah penyata kewangan yang dihantar kepada Kementerian Kewangan, Deutsche Bank dan Ambank yang menyatakan bahawa dana diperoleh daripada pelaburan masih lagi dalam simpanan 1MDB.

Ambrin berkata, pada 23 Februari 2016, beliau diarahkan Ali untuk hadir mesyuarat bersama pasukan khas audit 1MDB di pejabat KSN bagi membincangkan mengenai laporan akhir audit dan isu berkaitan.

Mesyuarat yang diadakan pada 24 Februari itu dihadiri Ali; wakil Pejabat Peguam Negara, Datuk Dzul kifli Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Sri Dr Isa Hussain; wakil Kementerian Kewangan, Asri Hamidon; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, 1MDB, Arul Kanda Kandasamy; Setiausaha Sulit Kanan KSN, Datuk Norazman Ayob; dan Shukry.